



Sekitar pertemuan High Commissioner of Bangladesh bersama para pelajar dari Bangladesh yang sedang mengikuti program pengajian mereka di UUM, semalam.

UUM ONLINE: Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC), Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima lawatan daripada High Commissioner of Bangladesh, A. K. M. Atiqur Rahman, semalam.

Sehubungan itu, CIAC telah mengatur perjumpaan di antara Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh tersebut dengan para pelajar dari Bangladesh yang sedang mengikuti program pengajian mereka di UUM.

Lawatan ini juga bertujuan untuk berkongsi maklumat dan bertukar-tukar pendapat di antara para pelajar antarabangsa dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh di samping dapat memberikan satu sudut pandang yang positif dalam mempertingkatkan kualiti pengajian tinggi.

Majlis pertemuan ini juga dilihat dapat membantu para pelajar antarabangsa dengan ikatan bersama kedutaan masing-masing untuk terus memastikan usaha sama mereka di UUM dan Malaysia lebih akrab.

Lawatan seperti ini berperanan penting untuk membina silaturahim yang cerdas dan produktif di antara pengurusan UUM sendiri, kedutaan besar serta para pelajar UUM yang terdiri daripada pelbagai bilangan bangsa.